

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO

20 OGOS 2019 (SELASA)

Kuantan

Teliti terlebih dahulu setiap aduan

Setiap aduan yang diterima berhubung aktiviti pembalakan haram akan diteliti terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kerajaan negeri tidak boleh mengambil tindakan secara melulu kerana dibimbangi boleh membahayakan anggota penguat kuasa yang terbabit dalam kes berkenaan.

Katanya, pihak yang mendalangi aktiviti haram itu biasanya mempunyai latar belakang yang mencurigakan.

“Mereka bukan calang-calang orang kerana turut membabitkan kumpulan mafia atau gengster. Berdasarkan rekod, ada kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG)

pernah menerima ugutan.

“Atas faktor itu, kita akan meneliti aduan terbabit sebelum sebarang tindakan diambil,” katanya.

Wan Rosdy berkata demikian pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang di

Wisma Sri Pahang, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Andansura Rabu (PAS-Beserah) yang

ingin mendapatkan penjelasan berhubung kekerapan operasi berkaitan pembalakan haram.

Terdahulu, menjawab soalan Datin Samsiah Arsad (BN-Bukit Ibam), Wan Rosdy berkata, sebanyak tiga operasi dilakukan kerajaan negeri setakat ini bagi menangani isu pembalakan haram.

FAKTA

Kerajaan negeri tidak boleh mengambil tindakan secara melulu